

20 JUL 1997

Teleperubatan

EMPAT BIDANG UTAMA UNTUK TELEPERUBATAN

KUALA LUMPUR, 20 Julai (Bernama) -- Teleperubatan, salah satu cabang dalam Koridor Raya Multimedia (MSC), akan merangkumi empat bidang perubatan utama, kata Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Abu Bakar Suleiman.

Bidang itu ialah Perancangan Kesihatan Seumur Hidup; Telerundingan; Kesenambungan Pendidikan Perubatan; Maklumat dan Pendidikan Kesihatan Umum yang Khusus dan Disesuaikan.

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Teleperubatan anjuran Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) di Hospital Kuala Lumpur di sini, hari ini, beliau berkata aplikasi itu bagi meletakkan orang ramai dalam paradigma kesihatan yang sentiasa baik.

Dr Abu Bakar berkata Permohonan Untuk Cadangan Konsep (CRFP) bagi Teleperubatan akan dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Sabtu ini bersama-sama CRFP untuk Kerajaan Elektronik, Sekolah Bestari dan Kad Pintar.

Beliau berkata, Jawatankuasa Bertindak bagi Teleperubatan telah menyiapkan pelan bagi Teleperubatan, Standard Teleperubatan dan CRP bulan lepas.

Dr Abu Bakar berkata di bawah Perancangan Kesihatan Seumur Hidup, kemudahan multimedia akan digunakan bagi membolehkan para pengamal perubatan merancang pelan kesihatan bagi keperluan seseorang individu bukan sahaja ketika mereka sakit tetapi juga ketika mereka sihat.

Telerundingan pula akan menyediakan perkhidmatan rundingan kesihatan yang melibatkan pakar perubatan daripada hospital utama, katanya.

"Telerundingan berbeza daripada rundingan melalui sidang video kerana ia melibatkan penyaluran maklumat serta rekod kesihatan seseorang pesakit melalui teknologi multimedia," katanya.

Beliau berkata Kesenambungan Pendidikan Kesihatan akan digunakan untuk meningkatkan keupayaan sumber manusia dengan para pengamal perubatan yang tinggal di kawasan terpencil tidak tersisih daripada segi profesionalisme.

Bagi Maklumat dan Pendidikan Kesihatan Umum yang khusus dan disesuaikan pula, orang ramai akan diberi pilihan untuk mendapat maklumat yang sesuai dengan mereka dan sekali gus akan mengambil langkah yang sewajarnya untuk menjaga kesihatan masing-masing, katanya.

Beliau berkata wawasan Teleperubatan adalah selaras dengan matlamat kesihatan rakyat Malaysia yang menekankan soal kesihatan yang terjamin, individu yang sentiasa disalurkan maklumat dan mempromosikan penjagaan kesihatan sendiri.

-- BERNAMA

AKT PR